



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, CHIKUNGUNYA DAN ZIKA**  
**DI MALAYSIA**

(Bagi Minggu 11/2018 dari 11 hingga 17 Mac 2018)

Sebanyak 1,079 kes Demam Denggi dan dua (2) kematian dilaporkan pada minggu ke-11 tahun 2018 iaitu dari 11 hingga 17 Mac 2018, penurunan sebanyak 74 kes (6.4%) berbanding 1,153 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat 10 negeri yang berjaya mengurangkan kes pada minggu ke-11 iaitu Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Sarawak, Sabah dan WP Labuan.

Dua (2) kematian akibat Denggi yang dilaporkan adalah melibatkan golongan kanak-kanak dan tinggal di lokaliti berwabak. Oleh demikian, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu memastikan aktiviti kawalan dan pencegahan bagi semua kes dan wabak dilaksanakan sepenuhnya dengan melibatkan kerjasama masyarakat setempat supaya tiada lagi nyawa yang diragut disebabkan Denggi.

Untuk makluman, jumlah kumulatif kes Denggi yang dicatatkan sehingga 17 Mac 2018 ialah sebanyak 12,575 kes berbanding 20,160 kes bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 7,585 kes (37.6%). Bagi tempoh yang sama, jumlah keseluruhan kematian Demam Denggi di Malaysia juga telah menurun sebanyak 19 kematian (40.4%) di

mana 28 kematian telah dilaporkan pada tahun ini berbanding 47 kematian dilaporkan pada tahun 2017.

Sejumlah 344 lokaliti wabak Demam Denggi yang masih aktif pada minggu ke-11. Pada minggu tersebut juga, terdapat 46 lokaliti hotspot semasa yang dilaporkan melibatkan empat (4) buah negeri iaitu 36 lokaliti di Selangor, lima (5) lokaliti di Pulau Pinang, empat (4) lokaliti di Perak, dan satu (1) lokaliti di Johor. Lokaliti hotspot tersebut perlu melaksanakan aktiviti pembersihan persekitaran untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes walaupun aktiviti pendidikan kesihatan telah dijalankan.

KKM juga menerima pelaporan satu (1) kes Chikungunya dari daerah Kuala Muda, Kedah. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 17 Mac 2018 adalah sebanyak 41 kes iaitu 34 kes dari Kelantan, tiga (3) kes dari Kedah dan masing-masing satu (1) kes dari Sabah, Perlis, Selangor dan Sarawak. Bagi pemantauan penyakit Zika di Malaysia, tiada kes dilaporkan di negara ini sejak Januari 2017. Pemantauan sistem surveilans virus Zika dari 1 Januari sehingga 17 Mac 2018 oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), mendapati keputusan ujian bagi 390 sampel darah di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

**Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**

Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

21 Mac 2018

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 11/2018  
(11 hingga 17 Mac 2018)**

Bil.	Negeri	BilanganKesanan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 11/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 11/2017	
		Minggu 11 (11 – 17 Mac 2018)		Minggu 10 (4 – 10 Mac 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	3	0	3	0	49	0	44	0
2	Kedah	48	0	30	0	271	1	303	1
3	P. Pinang	70	0	83	0	850	1	443	4
4	Perak	60	0	76	0	752	2	1,830	5
5	Selangor	577	0	646	1	6,715	9	10,668	12
6	WP KL & Putrajaya	84	0	70	0	852	2	1,699	9
7	N. Sembilan	26	0	26	0	247	0	782	6
8	Melaka	6	0	10	0	132	0	446	0
9	Johor	96	0	74	0	1,283	3	1,437	4
10	Pahang	18	0	17	0	198	1	529	0
11	Terengganu	4	0	2	0	34	0	76	0
12	Kelantan	15	0	22	0	225	0	1,017	2
13	Sarawak	10	0	18	0	117	1	394	1
14	Sabah	62	2	74	1	841	8	489	3
15	WP Labuan	0	0	2	0	9	0	3	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,079</b>	<b>2</b>	<b>1,153</b>	<b>2</b>	<b>12,575</b>	<b>28</b>	<b>20,160</b>	<b>47</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

## Lampiran B

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 11/2018  
(11 hingga 17 Mac 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Appt Sri Putri Up	21	76
2	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 4)	22	73
3	P PINANG	Barat Daya	Desa Bayan	36	66
4	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Jelapang Jaya	23	64
5	SELANGOR	Gombak	Kg Melayu Sri Kundang (E)	10	64
6	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	41	62
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 ( Pangsapuri Orkid : Blok 7 - 12 )	18	62
8	SELANGOR	Klang	Aparment Bayu Villa	14	61
9	SELANGOR	Petaling	Putra Height 9 (Jln Putra Indah - Sri Mutiara Appt)	31	61
10	PERAK	Kinta	Cherry Apartment	18	54
11	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Bt 8	24	54
12	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Sri Intan Lembah Jaya Selatan	15	49
13	SELANGOR	Gombak	Appt Springvilla	23	49
14	SELANGOR	Gombak	Kg Fajar Ulu Klang	9	48

15	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 1 Bandar Teknologi	14	47
16	SELANGOR	Gombak	Condo Penaga Raintree	9	46
17	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Tanjung Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	6	45
18	SELANGOR	Gombak	Pkns Bt 16 Rawang	11	45
19	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Permai (Flat 38 Blok A)	12	45
20	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 ( Flat E : Blok 47 - 54 )	16	44
21	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Fasa 7a (Zon B)	6	44
22	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Cempaka (Wangi)	17	42
23	SELANGOR	Klang	Tmn Sentosa Jln Hamzah Alang 4	20	41
24	PERAK	Kinta	Kg Merawan Indah	33	41
25	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 ( Tudm Subang C : Blok Equatorial,Hilton,Samudera & Merlin )	22	41
26	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 ( Pangsapuri Perdana )	21	41
27	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 ( Tudm Subang A : Blok G1 - G8 )	23	40
28	SELANGOR	Klang	Tmn Sri Menegun (Jln Teluk Menegun 4)	17	40
29	SELANGOR	Gombak	Appt Bkt Rawang Putra	5	40
30	SELANGOR	Klang	B.B.K Apartment Palm Garden	12	39
31	SELANGOR	Klang	Pekan Meru (Jln Tempinis 2)	21	38

32	SELANGOR	Gombak	Appt Rosewood Court	13	38
33	SELANGOR	Klang	Tmn Seri Sementa (Jln Seri Sementa 7)	9	37
34	SELANGOR	Klang	T. Sentosa ( Apt Idaman)	10	35
35	SELANGOR	Petaling	Seksyen U1 Pangsapuri Kerjaya	15	35
36	SELANGOR	Klang	Bandar Putera (Jln Kebun Nenas 2f/Ks7)	20	34
37	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 5c	7	34
38	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Ecohill 1/3 Setia Ecohill	6	34
39	SABAH	Lahad Datu	Kg. Sabah Baru	10	34
40	P PINANG	Timur Laut	Pangsapuri Pegawai Polis Lorong Batu Lancang(X)	9	33
41	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 ( Teres D : Jalan 18/19 - 18/27 )	19	33
42	P PINANG	Timur Laut	Mutiara Idaman	9	32
43	P PINANG	Seberg Perai Tengah	Pangsapuri Idaman	35	32
44	SELANGOR	Klang	Taman Bayu Perdana (Jalan Batu Unjur 1-2)	14	32
45	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Rinching	5	31
46	P PINANG	Timur Laut	Jalan Makloom	4	31